




**DASAR KESAKSAMAAN (*IMPARTIALITY POLICY*)
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
DALAM PERKHIDMATAN SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA
UJIAN TANPA MUSNAH (SPKM-NDT)**

Pengurusan tertinggi JPK komited terhadap kesaksamaan (*impartiality*) dalam perkhidmatan Persijilan SPKM-NDT dan menyediakan peluang untuk penglibatan berkesan oleh pihak yang berkepentingan untuk menjaga kesaksamaan melalui Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK). JPK bertanggungjawab ke atas kesaksamaan aktiviti Persijilan SPKM-NDT.

1. JPK bertanggungjawab ke atas kesaksamaan aktiviti Persijilan SPKM-NDT;
2. JPK tidak akan membenarkan sebarang aktiviti komersil, kewangan atau lain-lain aktiviti yang boleh menggugat kesaksamaannya; dan
3. JPK akan memastikan aktiviti persijilan distruktur dan diurus dengan mengambil kira penglibatan dari pihak pemegang taruh (*stakeholder*) secara seimbang demi menjaga kepentingan kesaksamaan serta mengelakkan *conflict of interest* bagi memastikan objektif dan aktiviti persijilan terpelihara.

Semua kakitangan dan jawatankuasa di bawah JPK adalah komited untuk mematuhi sepenuhnya perisytiharan ini. Semua kakitangan dan jawatankuasa di bawah JPK termasuk Ketua Pengarah, pengurusan tertinggi, kakitangan, jawatankuasa dan pakar teknikal dikehendaki melengkapkan dan menandatangani Borang Akujanji.


Ts. DR. MOHAMAD BIN SULAIMAN
Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran

Tarikh: 8/5/2023